



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	23/4/2021	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	KeTSA / BMG / JMG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Sasar KDNK industri mineral RM29 bilion

Utusan Malaysia 23/4/2021 m/s 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan menyasarkan sumbangan industri mineral kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat kepada RM29 bilion pada 2030 di bawah Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030).

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerangka pelan berkenaan adalah agenda baharu negara yang menjadi rujukan utama semua pihak berkepentingan bagi memastikan industri itu dapat dibangunkan secara holistik.

Menurut beliau, walaupun negara melalui zaman kegemilangan industri mineral dahulu, keadaan tersebut tidak lagi sama ketika ini dan sumbangan sektor mineral kepada ekonomi masih lagi kecil jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain.

Katanya, sumbangan sektor mineral kepada KDNK pada 2019 sebanyak RM9.9 bilion atau hanya 0.7 peratus, manakala nilai import mineral dan produk berasaskan mineral pula adalah sebanyak RM90.96 bilion, mengatasi nilai eksport yang mencatatkan sebanyak RM59.40 bilion.

"Industri ini menawarkan sebanyak 15,275 peluang pekerjaan dengan tumpuan yang tidak seimbang antara peringkat hulu, pertengahan dan hiliran.

"Industri ini bukan sahaja bergantung kepada kuantiti sumber mineral yang kita miliki tetapi kebijaksanaan kita



MUHYIDDIN Yassin dan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Shamsul Anuar Nasarah menunjukkan Kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 di Hotel Marriot di Putrajaya semalam. - UTUSAN/ FAISOL MUSTAFA

mengambil peluang terhadap permintaan tinggi peringkat global.

"Ini boleh kita lakukan dengan menyediakan infrastruktur yang menyokong perkembangan industri, sumber manusia yang mencukupi serta penggunaan teknologi termoden untuk meningkatkan produktiviti," kata beliau ketika berucap melancarkan Pelan TIM 2021-2030 di sini semalam.

Muhyiddin memberitahu, kerajaan yakin pembangunan pelan itu mampu mencapai tahap industri mineral masa hadapan yang diurus secara bersih dan cekap dengan mengaplikasikan teknologi-teknologi terkini mesra alam.

Beliau menjelaskan, pertumbuhan industri itu di peringkat

pertengahan dan hiliran juga membuka peluang pekerjaan kepada lebih ramai tenaga mahir tempatan dan membawa pulangan lebih tinggi kepada negara.

Kata beliau, ia sekali gus dapat meningkatkan daya saing industri mineral agar setanding dengan industri di negara-negara perlombongan yang maju antaranya Amerika Syarikat, Perancis, Jepun, China, Australia dan Kanada.

"Saya yakin penyediaan pelan yang lebih terperinci berpandukan kepada kerangka ini kelak mampu memacu usaha mengembalikan kegemilangan industri mineral negara dan membawa manfaat tidak terhingga kepada rakyat Malaysia," katanya.